

---

## SAMBUTAN HARI INOVASI KEMENTERIAN KERJA RAYA 2019 “WARGA INOVATIF, ORGANISASI PRODUKTIF”

**ALOR GAJAH, MELAKA** - Kementerian Kerja Raya (KKR) sekali lagi menganjurkan program tahunan Hari Inovasi dengan objektif untuk memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga Kerja Raya dan seterusnya memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada warga Kementerian dan agensi yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan organisasi.

Majlis yang berlangsung di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE), Jabatan Kerja Raya Malaysia ini, mendukung tema “Warga Inovatif, Organisasi Produktif”. Tema ini melambangkan komitmen Kementerian dan agensi selaras dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam berasaskan inovasi dan kreativiti.

Yang Berbahagia Dato’ Dr Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya telah hadir mewakili Menteri Kerja Raya merasmikan majlis pada hari ini dan seterusnya menyampaikan dua belas (12) hadiah Anugerah Inovasi yang telah dipertandingkan seperti senarai berikut:

1. Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat (AIPP) KKR
2. Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) KKR
3. Anugerah Inovasi ICT (AIICT) KKR
4. Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat Terbaik
5. Anugerah Inovasi Pengurusan JKR Daerah Terbaik
6. Anugerah Inovasi Pengurusan Pembinaan Terbaik Kategori Projek RM500 Ribu Hingga RM20 Juta

7. Anugerah Inovasi Pengurusan Pembinaan Terbaik Kategori Projek Melebihi RM20 Juta
8. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Pengurusan
9. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Teknikal
10. Anugerah Audit Terbaik Tahun 2018
11. Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan Kaunter Negeri dan Cawangan
12. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) LLM

Sebanyak sepuluh (10) pempamer menyertai Pameran Hari Inovasi pada hari ini. Pempamer yang terlibat adalah Kementerian Kerja Raya dan agensi – agensi di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Jabatan Kerja Raya, CIDB dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Majlis hari ini juga turut diserikan lagi dengan sesi ceramah Inovasi yang bertajuk “*Inovasi Dalam Industri 4.0 dan Smart City*” yang disampaikan oleh Ts. Zulkiflee Bin Mohamad, Pengarah Program Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), Jabatan Perdana Menteri.

Sambutan Hari Inovasi ini diharap mampu memberi dorongan kepada warga Kementerian Kerja Raya dan agensi agar tidak jemu untuk terus berinovasi dan mencari idea-idea baru dalam menyampaikan perkhidmatan dengan lebih baik.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**31 OKTOBER 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my